



## **IKLAN**

### **PERMIT TAHUN BARU CINA 2017 DI KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN KLANG**

Kepada sesiapa yang berminat boleh mengemukakan borang permohonan DI KAUNTER (TINGKAT BAWAH) MAJLIS PERBANDARAN KLANG, BANGUNAN SULTAN ALAM SHAH, JALAN PERBANDARAN, 41675 KLANG BANDAR DIRAJA.

- TARIKH BUKA PERMOHONAN : 19 DISEMBER 2016**
- TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 30 DISEMBER 2016**
- TARIKH BERNIAGA : 14 JANUARI 2017 – 27  
JANUARI 2017(14 HARI)**

Semua permohonan hendaklah sampai di kaunter Majlis pada tarikh yang telah ditetapkan. Permohonan yang lewat diterima tidak akan diproses.

(Azhar bin Samsudin)  
b.p. Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Klang.

**\*Sebarang pindaan adalah tertakluk kepada keputusan Majlis yang terkini.**

## PEMBERITAHUAN

### PERMIT TAHUN BARU CINA 2017 DI KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN KLANG

Kepada sesiapa yang berminat boleh mengemukakan borang permohonan di Kaunter (Tingkat Bawah) Majlis Perbandaran Klang, Bangunan Sultan Alam Shah, Jalan Perbandaran, 41675 Klang Bandar Diraja.

Borang permohonan hendaklah di isi dengan lengkap dan dihantar beserta **bayaran** seperti di bawah;

Bagi **Permit Tapak Majlis:**

i. Bayaran permit (RM5.00 x 14 hari)	= RM 70.00
ii. Bayaran parkir (RM4.50 x 10 hari)	= RM 45.00
iii. Bayaran kebersihan untuk 14 hari	= RM 200.00
iv. Bayaran deposit pematuhan syarat	= RM 300.00
v. Bayaran sarung lesen	= RM 5.00
<b>JUMLAH</b>	<b><u>= RM 620.00</u></b>

Bagi **Permit Tapak Persendirian:**

- i. Bayaran permit adalah RM10.00 sehari.
- ii. Bayaran khemah adalah RM10.00 sehari untuk khemah berkeluasan 10x10 dan RM20.00 bagi khemah berkeluasan 20x20.
- iii. Bayaran deposit pematuhan syarat adalah RM300.00

**Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diterima.**

(Azhar bin Samsudin)  
b.p. Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Klang.

**\*Sebarang pindaan adalah tertakluk kepada keputusan Majlis yang terkini.**

# IKLAN

## KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN KLANG

Kepada sesiapa yang berminat;

Bil	Tempat	Jumlah Petak
1.	Jalan Sungai Puluh 13, Taman Klang Utama	30 Petak
2.	Jalan Susur Off Jalan Besar, Pandamaran	30 Petak
3.	Lorong Pelasari, Taman Chi Liung	30 Petak

(Azhar bin Samsudin)  
b.p. Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Klang.

**\*Sebarang pindaan adalah tertakluk kepada keputusan Majlis yang terkini.**

PL/TPL/PTL/PPT(2)

## SYARAT-SYARAT PERMIT TAHUN BARU CINA 2017

1. Syarat-syarat am pengeluaran permit adalah seperti berikut:
  - a. Pemohon mestilah daripada warganegara Malaysia.
  - b. Keutamaan diberikan kepada penduduk yang bermaustatin di Klang.
  - c. Pemohon mestilah berumur 18 tahun dan ke atas.
  - d. Hanya barang-barang kering sahaja boleh dijual.
  - e. Dilarang menjual mercun dan barang cetak rompak.
  - f. Dilarang membuat pembakaran daging salai khinzir secara terbuka.
  - g. Tidak menyewakan tapak kepada orang lain.
  - h. Tidak membuat halangan lalu lintas dan awam.
  - i. Menjaga persekitaran dan tapak niaga.
  
2. Syarat-syarat tambahan bagi pengeluaran permit **tapak Majlis**
  - a. Tempoh yang dibenarkan untuk berniaga adalah 14 hari sahaja iaitu dari 14 Januari 2017 sehingga 27 Januari 2017.
  - b. Bayaran permit perlulah dibuat secara terus kepada Majlis.
  - c. Seorang pemohon hanya layak untuk memohon satu petak sahaja.
  - d. Ukuran tapak yang disediakan adalah 10 x 10 kaki sahaja.
  - e. Untuk tapak dihadapan premis/kedai, keutamaan akan diberikan kepada pemilik premis/kedai tersebut (jika ada permohonan).
  - f. Peniaga adalah dikehendaki menggunakan khemah berukuran 10 x 10 kaki.
  
3. Syarat-syarat tambahan permit tapak di **Tanah Persendirian**
  - a. Tempoh maksimum dibenarkan adalah selama 30 hari sahaja.
  - b. Penggunaan khemah hendaklah seragam dari segi ukuran dan warna.
  - c. Peniaga bertanggungjawab dalam menguruskan penempatan dan kawalan keselamatan peniaga dan juga lalulintas.
  - d. Peniaga bertanggungjawab dalam pengurusan kebersihan (tapak dan pembuangan sampah sarap).
  - e. Peniaga perlu mendapatkan kelulusan daripada pihak Majlis terlebih dahulu sebelum memulakan operasi.
  
4. Sebarang **tuntutan pemulangan wang cagaran** hendaklah dibuat selewat-lewatnya **sebelum atau pada 1 Mac 2017**. Kelewatan membuat tuntutan tidak akan dilayan.

(Azhar bin Samsudin)  
b.p. Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Klang.

**\*Sebarang pindaan adalah tertakluk kepada keputusan Majlis yang terkini.**

PL/TPL/PTL/PPT(2)